



1 - 15 SEPTEMBER, 2022

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow


# Nibong Tebal Arena

## nilai tambah pembangunan SPS

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**JAWI -** Kerajaan Negeri akan membina Nibong Tebal Arena di atas bekas tapak kuarters lama Jabatan Kerja Raya (JKR) seluas 1.808 ekar di sini dengan anggaran kos RM8,781,388.25.

Semasa mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap cadangan projek pembinaan sembilan gelanggang badminton atau dewan serbaguna tersebut mampu memberi nilai tambah kepada kemajuan pembangunan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) terutama Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

"Kerajaan Negeri akan sedaya upaya memastikan bahawa kemudahan di kawasan luar bandar adalah setaraf dengan kemudahan-kemudahan yang terletak di kawasan bandar.

"Cadangan projek pembinaan Nibong Tebal Arena ini merupakan salah satu daripada 68 janji 'Saya ❤ Pulau Pinang' yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu," jelasnya pada Majlis Pecah Tanah Nibong Tebal Arena di sini pada 12 Julai 2022.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa pihaknya berharap projek pemajuan Arena Nibong Tebal siap pada suku pertama tahun 2023.

"Kini, kita berpuas hati dengan 90 peratus kemajuan manifesto tersebut yang telah berjaya dilaksanakan sehingga 9 Mei 2022, dan peratusan ini akan terus meningkat apabila siapnya manifesto-manifesto yang kini berada dalam peringkat pelaksanaan iaitu salah satunya merupakan projek pembinaan Nibong Tebal Arena," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Turut berucap, Pengarah Eksekutif Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP), Zul Kahar Khamis.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Difahamkan, komponen pemajuan di bawah projek Arena Nibong Tebal termasuk sembilan gelanggang badminton, kemudahan kerusi *'retractable seating'*, pejabat dewan, *viewing room*, ruang pentas, bilik *doping* serta ruang penyediaan dewan serbaguna.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan seusai Majlis Pecah Tanah Nibong Tebal Arena di sini baru-baru ini.**






**ILUSTRASI grafik Nibong Tebal Arena yang bakal dilengkapkan dengan sembilan gelanggang badminton atau dewan serbaguna.**

# Galeri Bukit Bendera@Edgecliff tarikan baharu rentas sempadan masa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KETUA Menteri bersama-sama barisan tetamu kehormat merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Galeri Bukit Bendera @Edgecliff di sini baru-baru ini.**




**GEORGE TOWN** - Pengunjung yang berkunjung ke Bukit Bendera kini boleh merasai pengalaman surealisme melangkaui sempadan masa dengan tarikan terbaharu, Galeri Bukit Bendera @Edgecliff.

Setelah empat tahun kerja-kerja transformasi dilakukan, Galeri Bukit Bendera @ Edgecliff akhirnya dibuka kepada umum yang mencari kelainan mempelajari sejarah Bukit Bendera.

Pengurus Kanan Penang Hill Corporation (PHC), Shahril Nizam Cheah Abdullah berkata, galeri tersebut dibahagikan kepada lima ruang pameran tetap iaitu Terowong Masa, Biodiversiti, Warisan, Funikular dan Budaya.

"Setiap ruang pameran membolehkan pengunjung menyelami sendiri peredaran sejarah Bukit Bendera selama satu abad, seolah-olah mengembara ke masa lampau menjadikan perjalanan pengunjung ke sini lebih nostalgia.

"Pengunjung akan bermula dari Terowong Masa sebelum masuk ke bahagian Biodiversiti dengan meneroka 'hutan' dan menyelinap ke Rizab Biosfera Bukit Bendera yang merupakan kediaman kepada lebih 2,500 spesies flora dan fauna.

"Seterusnya, di bahagian Warisan, pengunjung akan menemukan paparan cerita mengenai banglo-banglo yang terdapat di atas bukit ini sambil mengagumi keajaiban kejuruteraan dan binaan sistem Funikular yang telah memberi perkhidmatan kepada berjuta-juta penumpang selama ini.

"Akhir sekali, di ruang pameran Budaya, pengunjung dapat menyaksikan transformasi Galeri Bukit Bendera @Edgecliff ini," ujarnya ketika berucap mewakili Pengurus Besar PHC pada Majlis Perasmian Galeri Bukit Bendera @Edgecliff di sini 8 Julai lalu.

Pada majlis sama, Shahril Nizam Cheah turut berbesar hati mengumumkan bahawa Galeri Bukit Bendera @Edgecliff adalah projek pertama di Malaysia yang memperoleh pensijilan di bawah Indeks Bangunan Hijau (GBI) kategori bangunan sedia ada bukan kediaman (bangunan bersejarah).

"Bangunan galeri ini dilengkapi dengan ciri-ciri mampan seperti panel solar, sistem penuaian hujan dan pencahayaan sensor gerakan sebagai sebahagian usaha kami (PHC) memulihara tenaga, selaras dengan matlamat kelestarian alam sekitar.

"Terima kasih kepada First Solar Malaysia atas sumbangan panel solar dan sokongan terhadap inisiatif hijau Kerajaan Negeri dan PHC," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan majlis tersebut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memulihkan semula banglo warisan di atas Bukit Bendera itu.

"Kerajaan Negeri menyokong penuh usaha memulihkan semula banglo ini untuk kegunaan pendidikan, warisan dan budaya.

"Projek membangunkan galeri ini melibatkan pemulihan Banglo Edgecliff yang terletak di tebing bukit dan dibina oleh arkitek J.C. Miller pada tahun 1937.

"(Dan) hari ini, PHC telah mentransformasikan banglo ini menjadi galeri dan pusat pendidikan.

"Bukan suatu tugas yang mudah serta boleh dicapai dalam sekelip mata, ia memerlukan usaha, dedikasi serta komitmen yang tinggi untuk 'menghidupkan' semula banglo yang berusia 85 tahun ini," jelasnya.

Difahamkan, sejak projek galeri ini dimulakan pada tahun 2019, kerja-kerja berterusan untuk mengukuhkan cerun bukit dan pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori II dilaksanakan secara sistematik oleh PHC.

Galeri Bukit Bendera @Edgecliff ini bakal memberikan gambaran hebat tentang kepelbagaian sejarah, tradisi dan kejuruteraan sistem funikular di Bukit Bendera.

Membawa tema 'Lihat Alam Semula Jadi. Rasakan Sejarah', pengunjung dapat menikmati pemandangan panorama bandar raya George Town yang menakjubkan dengan berlatarkan langit biru dari platform (dek tinjau) berketinggian 775 meter dari aras laut.

Dibuka setiap hari kecuali hari Selasa, bermula jam 9 pagi hingga 4:30 petang. Kaunter tiket akhir ditutup pada 3:45 petang. Maklumat lanjut layari laman sesawang *edgecliff.penanghill.gov.my*.




**PEMANDANGAN dari dek tinjau.**






**GALERI Bukit Bendera @Edgecliff.**

# TYT zahir kesyukuran ekonomi negeri kian pulih, memberangsangkan

Gambar : **ALISSALA THIAN & LAW SUUN TING**



**KETUA Menteri ketika menyampaikan ucapan dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Rekod RM76.22 bilion nilai pelaburan pembuatan bagi tahun 2021 bukan sahaja menjadikan Pulau Pinang berada pada kedudukan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, bahkan sekali gus menunjukkan tanda-tanda pemulihan keadaan ekonomi negeri yang memberangsangkan.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak menyampaikan amanat itu semasa berucap dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahunnya yang Ke-73 di Dewan Sri Pinang di sini pada 23 Julai 2022.

"Kerajaan Negeri telah membuktikan kemampuan untuk mengemudi negeri dan melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berjaya memastikan kelangsungan hidup rakyat.

"Alhamdullilah, keadaan ekonomi negeri telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang memberangsangkan," jelasnya sambil berpendapat bahawa sektor pelancongan negeri juga kian rancak dengan kebanjiran pengembara asing dan pengunjung domestik.

Di samping itu, Ahmad Fuzi berkata bahawa dalam tempoh pemulihan ekonomi pada waktu ini menyaksikan negara dan negeri menghadapi pelbagai cabaran lain termasuk gangguan rantaian bekalan yang melibatkan tenaga kerja serta bekalan cip semikonduktor.

"Cabaran-cabaran ini sebenarnya dihadapi di seluruh dunia.

"Walau bagaimanapun saya yakin, dengan asas-asas ketahanan yang dibina selama ini, jalinan rangkaian infrastruktur dan industri yang kukuh serta kerjasama awam-swasta, cabaran cabaran pemulihan ekonomi yang dihadapi akan dapat diatasi bersama," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Fuzi memberitahu bahawa rakyat negeri Pulau Pinang patut berasa bertuah berada dalam keadaan aman dan damai di bawah Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Saya yakin Visi Penang2030 yang telah diperkenal, akan terus disokong rakyat sepenuhnya bagi mencapai matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang dibanggakan," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Kon Yeow dalam ucapannya memberitahu bahawa Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.8 peratus bagi tahun 2021 walaupun pada peringkat global menyaksikan ketidakpastian ekonomi.

"Kerajaan Negeri dengan ini akan memastikan kesinambungan kecemerlangan kini dapat diteruskan melalui pelaksanaan projek-projek dan kepelbagaian program berteraskan rakyat supaya manfaat pembangunan dapat dirasai bersama oleh seluruh lapisan masyarakat di negeri ini," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Pada kesempatan sama, Kon Yeow mewakili Kerajaan Negeri termasuk pegawai-pegawai, kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat sekalian turut melafazkan ikrar akan senantiasa taat setia kepada TYT, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan Malaysia dan negeri Pulau Pinang serta negara Malaysia yang tercinta.

Selain Kon Yeow, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy turut menyertai penyampaian anugerah hari pertama yang melibatkan seramai 193 orang penerima.

## Bekas Datuk Bandar MBSP terima D.G.P.N

**GEORGE TOWN -** Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Sempena Hari Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang turut menyaksikan bekas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud antara yang tersenarai sebagai penerima anugerah Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) yang membawa gelaran Dato' Seri.

**ROZALI**, 64, ketika ditemui menjunjung kasih atas kurniaan anugerah darjah kebesaran yang disampaikan oleh TYT berkaitan.

"Menjunjung kasih kepada TYT Tun Dato' Seri Utama yang telah berkenan menganugerahkan D.G.P.N..

"Penganugerahan ini adalah pengiktirafan kepada seluruh rakyat Pulau Pinang khususnya di bahagian Seberang Perai, Ahli Majlis, warga MBSP dan 'Wira Oren'," jelasnya kepada Buletin Mutiara di sini pada 25 Julai lalu.

Rozali, berkelulusan dalam bidang penilaian dan ukur peringkat Sarjana Muda dan pernah berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam selama lapan tahun di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia bermula pada 16 April 1982.

Kemudiannya, Rozali mulai 1 Februari 1990 berkhidmat di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai Penolong Pengarah Penilaian sebelum dinaikkan pangkat ke Pengarah Jabatan Penilaian yang kemudiannya menjadi Setiausaha Perbandaran pada 1 Mac 2011.

Pada 1 Julai 2017, beliau diberi tanggungjawab yang lebih besar sebagai 'peneraju' Majlis Perbandaran seterusnya dimasyhurkan sebagai Datuk Bandar apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut ditarafkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 16 September 2019.

Kira-kira 22 tahun berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam peringkat PBT berkenaan, Rozali pernah menerima anugerah *'Productivity Champion Award'* daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada April 2021.

Pentadbirannya sepanjang tahun 2021 berada pada kedudukan tersendiri apabila berjaya merangkul sembilan anugerah dan pengiktirafan di samping menjadi pemegang enam rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Difahamkan, D.G.P.N adalah darjah kebesaran dizahirkan pada tahun 1996 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan cemerlang serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi.

Mereka yang dikurniakan darjah berkaitan digelar Dato' Seri dan isteri penerima digelar Datin Seri.

Kurniaan ini dihadkan kepada seratus tujuh puluh (170) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selempang dan lencana darjah.

## Peyadesa kini bergelar Dato'

**GEORGE TOWN -** P.L.B.S. Peyadesa, 75, berada pada senarai kedudukan ke-87 daripada keseluruhan 1,380 penerima penganugerahan dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Bertempat di Dewan Sri Pinang, bekas atlet olahraga negara itu menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran Dato'.

Lahir di Pulau Pinang pada 7 April 1947, Peyadesa telah berkahwin dan mempunyai seorang anak serta menyertai Jabatan Penjara pada tahun 1970.

Pertama kali Peyadesa mewakili negara dalam Sukan Semenanjung Asia Tenggara (SEAP) ke-6 yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1971, kemudiannya menyertai Sukan Olimpik di Munich pada tahun 1971.

Selepas itu, Peyadesa mendapat pingat emas acara 400 meter (m) di Sukan SEAP, Singapura pada tahun 1973; pingat gangsa dalam acara lari 400m; 4x200m di Sukan SEAP, Bangkok pada tahun 1975 dan pingat emas 4x400m di Sukan SEA dekat Kuala Lumpur pada tahun 1977.

Beliau bersara dengan jawatan Sarjan Penjara di Penjara Pulau Pinang.



**P.L.B.S. Peyadesa.**

# Kakitangan 3D MBPP terharu jasa bakti dihargai

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



**KETUA Menteri bersama-sama Ar. Yew Tung Seang (tiga dari kanan) dan Ir. Rajendran (kanan sekali) menyampaikan ucapan tahniah kepada barisan kakitangan 3D MBPP yang menerima penganugerahan dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Seramai 12 pekerja dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Hari Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri (TYT) Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Kesemua mereka masing-masing menerima penganugerahan Pingat Jasa Kebaktian, Pingat Jasa Masyarakat dan Pingat Bakti Setia daripada Tun Ahmad Fuzi dalam istiadat penganugerahan yang berlangsung dekat Dewan Sri Pinang, semalam.

Pengurniaan darjah kebesaran tersebut adalah kepada semua penerima orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan cemerlang serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi, sekali gus menghargai sumbangan mereka kepada masyarakat dan negeri ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang menzahirkan rasa gembira susulan 12 kakitangan 3D diberikan pengiktirafan sewajarnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas khidmat bakti wira-wira yang tidak didendang itu.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudi menganugerahkan pingat-pingat ini hasil kerja keras mereka sepanjang menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

"Saya yakin, pingat ini akan menjadikan mereka lebih bersemangat untuk terus menabur bakti kepada bandar raya kita dan negeri kita amnya agar terus kekal bersih," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Bagi **ABDUL AZIZ KASSIM**, 58, beliau terharu apabila namanya turut terpilih sebagai penerima Pingat Bakti Setia setelah mencurahkan bakti selama 34 tahun.

"Saya akan bersara pada bulan September, ini satu pengalaman manis dalam perkhidmatan dan saya berharap pelapis-pelapis muda dapat teruskan khidmat cemerlang sebagaimana orang-orang lama sudah lakukan agar Pulau Pinang boleh jadi negeri contoh," jelasnya yang berkhidmat sejak tahun 1988.

Walaupun pekerjaan 3D sering dilihat sesuatu yang sukar, namun bagi seorang lagi penerima **M. MURUGIAH**, 54, pekerjaan itu tetap menyeronokkan.

"Bekerja dalam berkumpulan memang menyeronokkan, sebab 3D ini kerja memang macam itu, kami perlukan satu kerjasama yang kuat.

"Kenangan manis semestinya waktu banjir 2017, masa itu sangat sibuk dengan kawan-kawan tetapi kami seronok dapat bantu ramai orang," maklum beliau yang menjalankan tugas sekitar Bukit Bendera.

Lain pula bagi seorang lagi penerima, **ABDUL HALIM SHAERIFF**, 58, yang berpendapat bahawa kerja di sektor 3D itu mampu meningkatkan stamina kerana memerlukan kekuatan fizikal.

"Macam kita tahu, kerja-kerja 3D ini bukan mudah bagi yang tidak biasa, namun secara langsung kita dapat jaga kesihatan dan stamina kita sendiri.

"Kalau bercakap mengenai kenangan manis itu hari-hari 'manis' bila dapat berkhidmat, tetapi hari ini lagi 'manis' sebab dapat pingat," katanya yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekitar Jalan Masjid Negeri.

Dalam pada itu, **ABDUL WAHID AHMAD**, 59, turut meluahkan rasa gembira atas penganugerahan yang diterima selepas hampir 35 tahun bekerja di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP.

"Terima kasih kepada seluruh barisan kepimpinan MBPP kerana memberikan sokongan yang berterusan kepada saya.

"Anugerah ini pastinya akan membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus berkhidmat demi negeri Pulau Pinang yang tercinta," katanya yang kini menetap di Jalan Kampar, Air Itam.

Mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MBPP khasnya, **R. CHANDRASEGARAN**, 59, tidak percaya pengorbanan dan kerja kerasnya kini diiktiraf melalui penganugerahan Pingat Bakti Setia.

"Terima kasih kepada pihak Majlis kerana mengiktiraf usaha dan jasa saya kepada masyarakat.

"Ia adalah salah satu anugerah terpenting dalam hidup saya," kata Chandrasegaran, yang telah berkhidmat untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) selama 36 tahun.

Seorang lagi penerima Pingat Bakti Setia, **YEOH KIN WENG**, 59, tidak dapat menahan rasa terujanya selepas mendapat penganugerahan daripada Kerajaan Negeri.

"Saya telah bersama MBPP sejak 40 tahun lalu dan saya akan berusaha untuk bekerja dengan lebih keras lagi," katanya yang sering terlibat dalam kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara tandas awam.

## CEO ZPP, Rektor KITAB terima anugerah bergelar Dato'

**GEORGE TOWN –** Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali dan Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang, Profesor Dr. Mohamad Abdul Hamid merupakan antara individu yang menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato'.



**PROFESOR Dr. Mohamad Abdul Hamid.**



**AMRAN Hazali.**

Kedua-dua individu berkenaan masing-masing menerima penganugerahan dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Sempena Hari Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri (TYT) Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Amran menyifatkan bahawa penganugerahan yang diterima adalah sebagai pengiktirafan kepada usaha ZPP dalam membangunkan ummah khususnya umat Islam di negeri Pulau Pinang.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan TYT khasnya kerana telah menganugerahkan pingat DSPN kepada saya.

"Ini sebenarnya satu pengiktirafan dan penghargaan oleh Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha zakat di Pulau Pinang untuk membangunkan ummah.

"Dan bagi pihak ZPP, sudah pasti saya sangat menghargai anugerah ini sekali gus menjadi penyuntik semangat kepada kami untuk meneruskan kerja-kerja serta amanah yang diberikan supaya ummah ini dapat diuruskan melalui khazanah zakat yang disumbangkan oleh masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad turut menyifatkan penganugerahan yang diterima sebagai pemangkin untuk KITAB tampil lebih cemerlang bagi meningkatkan imej institusi pendidikan Islam di negeri ini.

"Selaku Rektor KITAB, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada TYT atas pengurniaan darjah kebesaran DSPN kepada saya.

"Dengan penganugerahan ini, kita akan bergerak lebih cemerlang lagi bagi meningkatkan imej institusi pengajian tinggi Islam yang merupakan milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan seluruh ummah di negeri ini," ujarnya.

# Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang layak diiktiraf acara pelancongan kebangsaan

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**KETUA Menteri dan Dr. Norlela Ariffin serta Abdul Halim Hussain bergambar kenangan bersama-sama pasukan yang memenangi anugerah utama bagi pertandingan binaan arca jerami sempena penganjuran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang dekat Kampung Terus di sini baru-baru ini.**

**PENANTI -** Ribuan pengunjung dari dalam dan luar negeri membanjiri Kampung Terus, bagi menyaksikan pelbagai keunikan sempena penganjuran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang yang kembali diadakan secara fizikal pada tahun ini.

Pesta yang memasuki edisi keempat itu berlangsung selama tiga hari dan dianjurkan bersama oleh Pejabat Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan serta Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Antara keunikan yang dapat disaksikan pada penganjuran kali ini termasuk 17 arca jerami padi bersaiz besar, aktiviti menangkap ikan di tengah bendang, memanah, menunggang kuda dan kereta lembu, pameran dan pertandingan warisan padi, pertandingan boria, lawan bola dalam bendang, aktiviti riadah, sepak raga, larian Sungai Penanti serta banyak lagi.

Berlandaskan keunikan-keunikan tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang layak diiktiraf sebagai acara pelancongan kebangsaan.

"Seperti yang kita dapat lihat pesta ini berjaya menarik kehadiran ribuan peminat, bukan sahaja dalam kalangan penduduk sekitarnya tetapi juga pelancong luar.

"Ini menunjukkan bahawa festival yang amat dinanti-nantikan ini sememangnya mempunyai keunikan yang tersendiri dan layak dimasukkan dalam kalendar pelancongan negara.

"Ia sekali gus menjadikan Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang sebagai salah satu tempat budaya dan warisan yang wajib dilawati," katanya ketika merasmikan majlis penutup Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang 4.0 di sini pada 24 Julai lalu.

Turut hadir, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat dan Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Tan Cheng San.

Pada masa sama, Kon Yeow turut mencadangkan supaya pertandingan arca jerami yang menjadi tarikan utama pada penganjuran pesta padi kali ini diangkat ke persada dunia setanding dengan pertandingan-pertandingan bertaraf antarabangsa yang lain.

"Arca jerami adalah sejenis seni menggunakan jerami padi yang biasanya tidak ada kegunaan selepas padi dituai.

"Apabila jerami padi yang tidak berharga ini digunakan untuk membina arca yang cantik dan dapat menarik kunjungan pelancong, tempat ini sudah tentunya menjadi destinasi agropelancongan yang baru di negara ini.

"Malah, ia juga merupakan sejenis *upcycle economy* yang baru di negeri Pulau Pinang.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri yakin lokasi ini amat sesuai dijadikan sebagai pentas seni arca bagi golongan pelajar-pelajar universiti, artis-artis, arkitek landskap, pereka profesional tempatan dan negeri-negeri jiran," ujarnya.

Pada majlis itu juga, Kon Yeow turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi pertandingan arca jerami yang menyaksikan karya milik pasukan Arcathect, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tema '*Life Theory*' dipilih sebagai penerima Anugerah Ketua Menteri sekali gus berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000 berserta trofi dan sijil kemenangan.

Selain itu, Anugerah Emas pula diberikan kepada pasukan Lawa Landscape dengan tema 'Melepaskan Keringat Rindu' dan membawa pulang wang tunai RM10,000, manakala Anugerah Perak pula dimenangi oleh pasukan *SQ Impression*, bertemakan 'Jelapang Padi Kampung Terus Penanti' (RM,8000).

Anugerah Gangsa pula menjadi milik *O Sculpture Studio* dengan tema 'Anak Sawah Paddy B' dan Anugerah Kreatif dimenangi oleh pasukan Malinja, FRSB, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang mana masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000.

Dua anugerah khas turut diperkenalkan iaitu Anugerah Khas Tema dan Anugerah Khas Exco dengan mewarkan hadiah berjumlah RM5,000 yang mana masing-masing menjadi milik Team FTV, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan tema 'Sepetang di Sawah Padi' dan Lakar Layang Studio melalui karya bertemakan 'Manifestasi Ukhuwah'.

Difahamkan, Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang buat pertama kalinya dianjurkan pada tahun 2018, diikuti tahun 2019 manakala edisi ketiga dilangsungkan secara maya pada tahun 2021 ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan COVID-19.





**SEBAHAGIAN tarikan pada penganjuran berkaitan.**

# *'Trash-Free Penang'*, sejajar dasar pengasingan di punca

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SUNGAI PUYU -** Di bawah program *'Trash-Free Penang'*, Penang Green Council (PGC) menubuhkan stesen kitar semula yang kedua di Taman Lucky demi memperluas lagi pengamalan dasar pengasingan di punca dalam kalangan komuniti setempat.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh memberitahu bahawa agensi negeri, PGC pada bulan Mac lepas mewujudkan stesen kitar semula yang pertama di Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Thamby Kecik, dalam (Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Puyu.

"Saya berharap kita semua akan dapat bersama-sama membentuk semangat #kitajagakita yang berkaitan dengan alam sekitar.

"Kita lakukan semua ini bukan untuk diri sendiri tetapi untuk anak-anak kita kerana perkara terakhir yang kita perlu elakkan adalah meninggalkan dunia yang tidak dapat diperbaiki kepada generasi akan datang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dalam majlis berkaitan di sini pada 17 Julai 2022.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, Boon Poh memberitahu bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada Julai 2009.

"Pelbagai usaha dan kempen telah dilaksanakan untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada orang awam untuk mengelakkan beg plastik digunakan secara berleluasa atau diuruskan dengan cara yang tidak betul.

"Pada bulan Januari 2021, Kerajaan Negeri telah menaikkan kadar caj sumbangan kutipan beg plastik daripada RM0.20 ke RM1.00 untuk setiap helaian beg plastik diikuti dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Pada Hari Isnin - Rabu," ulasnya lanjut.

Di samping itu, Boon Poh memberitahu bahawa segala usaha yang dilaksanakan sehingga kini diharap dapat mempercepat proses pelaksanaan Fasa 2 Visi Penang2030 dengan tujuan mewujudkan masyarakat prihatin terhadap alam sekitar di kawasan kejiranan masing-masing.




**PHEE Boon Poh (lima dari kiri) bersama-sama pihak berkaitan menyempurnakan gimik pelancaran program *'Trash-Free Penang'* di sini baru-baru ini.**



# Ketiadaan dua tonggak utama cabaran buat pasukan skuasy

Sukan MALAYSIA XX MSN 2022 #DemiMalaysia

LIPUTAN KHAS

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KETIADAAN** dua tonggak utama menjadi antara cabaran kepada pasukan skuasy Pulau Pinang untuk meraih pingat dalam kejohanan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20 yang bakal bermula pada 16 hingga 24 September ini.

Mereka ialah Ishant Shah yang bakal menyambung pengajian ke Universiti Harvard dan Teoh Liyen yang akan ke Universiti Princeton.

Ketua jurulatih skuasy negeri, **AARON SOYZA** ketika ditemui berkata bahawa kedua-dua pemain berkenaan merupakan harapan bagi pasukan skuasy Pulau Pinang untuk mengutip pingat pada temasya SUKMA kali ini.



**AARON Soyza.**

"Disebabkan tarikh yang diputuskan (penganjuran SUKMA) adalah pada bulan September, maka kedua-dua pemain nombor satu skuad lelaki dan wanita ini tidak dapat sertai pertandingan kerana mereka akan melanjutkan pelajaran ke luar negara.

"Jadi, harapan pasukan skuasy untuk meraih pingat bagi acara perseorangan sangat tipis pada kejohanan kali ini," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui sempena wawancara khas dekat Pusat Latihan Skuasy Antarabangsa Nicol David baru-baru ini.

## Cabaran

Aaron berkata, bagi kejohanan kali ini, pasukan skuasy Pulau Pinang berpeluang menghantar enam atlet lelaki dan enam atlet wanita.

"Sebenarnya, semua atlet kita sudah mula menjalani latihan sejak tahun 2020 secara *virtual* sebagai persediaan untuk ke SUKMA Johor tetapi telah ditangguhkan akibat pandemik COVID-19.

"Memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini sudah berakhir, maka atlet-atlet terlibat kini boleh menjalani latihan seperti lazimnya kerana latihan secara fizikal dilihat lebih mantap dan berkesan," ujarnya.

Ditanya mengenai cabaran, Aaron menyatakan bahawa masalah kekurangan gelanggang telah sedikit sebanyak mengganggu persiapan pasukan skuasy negeri untuk berentap dalam kejohanan kali ini.

"Kalau dari segi latihan, kami kurang berdepan masalah berbanding sukan lain kerana latihan dilakukan sepenuhnya di dalam gelanggang tertutup yang mana kita tidak terganggu oleh keadaan cuaca.

"Namun begitu, cabaran paling besar bagi kami adalah kekurangan gelanggang kerana tidak semua kawasan di Pulau Pinang mempunyai gelanggang skuasy.

*(Sambungan di muka 15).*



# Skuad olahraga sasar sekurang-kurangnya satu pingat emas

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SKUAD** olahraga negeri Pulau Pinang menyasarkan untuk mendapat sekurang-kurangnya satu pingat emas dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20 di Kuala Lumpur yang akan bermula pada 16 hingga 24 September ini.



**OLESYA Gasparyan.**

Jurulatih skuad olahraga Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), **OLESYA GASPARYAN**, 36, berkata bahawa sasaran tersebut adalah berdasarkan prestasi skuad olahraga pada SUKMA di Perak yang memperoleh dua pingat perak menerusi acara 100 meter(m) dan *heptathlon*.

"Di bawah seliaan saya sahaja, seramai tujuh atlet layak bertanding di SUKMA kali ini iaitu bagi acara lompat tinggi, lompat jauh, lompat kijang, *heptathlon* dan lari 100 meter.

"Memandangkan skuad olahraga Pulau Pinang belum pernah memenangi pingat emas dalam temasya SUKMA sebelum ini, maka kami menyasarkan satu pingat emas berjaya dikutip kali ini.

"Selain emas, kita juga sasarkan beberapa pingat perak dan gangsa menerusi acara lempar cakera, lompat tinggi dan *heptathlon*.

"Kita juga mempunyai seorang atlet perempuan bagi acara lompat tinggi yang berjaya mencatatkan lompatan agak baik semasa SUKMA terdahulu (1.67m).

"Jadi, kami harap beliau mampu sumbangkan pingat untuk Pulau Pinang," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui sempena wawancara khas di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai persiapan, Olesya yang telah berkhidmat sebagai jurulatih MSNPP sejak enam tahun lalu memberitahu bahawa semua atlet yang layak ke SUKMA kini sedang menjalani latihan secara intensif selama enam hari dalam seminggu.

"Saya sangat gembira kerana fasiliti di Stadium Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Jalan Betek telah siap dinaik taraf baru-baru ini.

"Oleh itu, dari segi latihan, kita tidak berdepan dengan sebarang masalah kerana semua fasiliti yang kami perlukan ada di sini.

"Terima kasih kepada YB Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan) dan Harry Chai Heng Hua (Pengarah MSNPP) yang memberikan sokongan berterusan kepada skuad olahraga," ujarnya sambil menambah bahawa atlet turut menjalani latihan pada hari Ahad sekiranya diperlukan.

Olesya memberitahu bahawa beliau kini sedang berusaha untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan olahraga selepas dua tahun tidak dapat berbuat demikian akibat pandemik COVID-19.

"Sebelum ini, saya akan menghadiri hari sukan sekolah atau kejohanan sukan peringkat zon untuk mengenal pasti bakat-bakat baru tetapi tidak dapat berbuat demikian sejak dua tahun lalu akibat pandemik COVID-19.

"Justeru, ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak menjalani latihan dalam sukan olahraga boleh hubungi saya di talian 010-970 1201," katanya sambil menambah bahawa latihan yang dijalankan adalah secara percuma.

Sementara itu, **NG TAK SING**, 17, antara atlet yang akan mengambil bahagian dalam acara lompat kijang dalam SUKMA di Kuala Lumpur pada September ini.

"Ini merupakan kali pertama saya menyertai SUKMA, jadi saya akan berusaha untuk memecahkan rekod peribadi terbaik saya setakat ini iaitu 1.49m," katanya yang berasal dari Taman Sukun, Bukit Mertajam.

**MELISSA CHOONG ENXUAN**, 18, pula berkata beliau akan berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan pingat bagi acara lompat tinggi dan *heptathlon*.

"Saya mula berlatih sejak setahun lalu dan baru-baru ini saya turut menjalani latihan di Universiti Prinstle, England untuk meningkatkan kemahiran teknikal bagi acara lompat tinggi.

"Setakat ini, lompatan terbaik yang saya pernah catat adalah semasa menjuarai kejohanan sukan sekolah-sekolah baru-baru ini iaitu setinggi 1.68m," ujarnya yang merupakan salah seorang atlet sandaran untuk mengutip pingat pada SUKMA kali ini.

Seorang lagi atlet, **KOH ANN YI**, 21, pula menyasarkan pingat emas dalam acara *heptathlon* pada temasya SUKMA di Kuala Lumpur akan datang.

"Pada kejohanan SUKMA di Perak, saya berjaya membawa pulang pingat perak, jadi kali ini saya mahu sasarkan pingat emas pula.

"Sebelum ini saya jalani latihan seorang diri tetapi sekarang saya sudah mempunyai pasangan untuk berlatih… jadi saya sedikit tertekan," katanya yang menjalani latihan di bawah seliaan Olesya sejak lapan tahun lalu.

Dalam pada itu, **SIAN YUAN**, 19, yang bakal mengambil bahagian dalam acara lompat tinggi pula menyasarkan untuk memperbaiki rekod peribadi pada kejohanan SUKMA di Kuala Lumpur.

"Ini merupakan penyertaan pertama saya dalam kejohanan SUKMA, jadi saya sasarkan pencapaian terbaik yang saya catatkan semasa menjalani latihan iaitu 1.43m," katanya turut berharap untuk memperoleh pingat gangsa dalam acara tersebut.

**LIPUTAN KHAS**










1. NG Tak Sing.
2. KOH Ann Yi.
3. SIAN Yuan.

**MELISSA Choong Enxuan pada sesi latihan yang dijalankan.**



# MACHANG BUBUK sebagai lokasi agro dan ekopelancongan



SIAPA sangka impian **MOHAMAD NASIR AWANG** menternak empat ekor lembu baka tempatan untuk tujuan penjualan daging mentah segar sematamata akhirnya membuahkan hasil apabila syarikat miliknya, Ladang Ternakan Akit Enterprise berkembang dengan jumlah lebih 100 ekor ternakan kini.

Bermula pada tahun 2004, Mohamad Nasir berkecimpung secara separuh masa dan hingga kini status tersebut masih lagi dikekalkan.



**MOHAMAD Nasir Awang.**

Dalam bual bicara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**, beliau memberitahu bahawa pihaknya turut menternak kerbau dan rusa dekat Jalan Kulim, Machang Bubuk, Bukit Mertajam.

"Saya mulakan dengan empat ekor lembu, sekarang ada tidak kurang daripada tujuh jenis baka lembu di sini dan yang terbesar adalah *Belgium Blue* dan *Limousine*.

"Baka-baka import ini kebanyakannya saya peroleh dari Kelantan yang mana di sana memang terkenal sebagai pembekal lembu-lembu luar negara bersaiz besar dan mahal iaitu mampu mencecah belasan ribu apabila telah matang untuk dijual.

"Modal makanan untuk seekor lembu adalah kira-kira RM12 sehari, lembu di sini diberi makanan 'palet' berasaskan kelapa sawit.

"Selain itu, Akit Enterprise turut membela kerbau," ujarnya dalam sesi wawancara khas diatur khas oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon baru-baru ini.

## Rumah sembelihan pertama

Berkat kesungguhan dan ketekunannya dalam bidang penternakan tersebut, Mohamad Nasir berkata bahawa beliau turut berjaya mewujudkan rumah sembelihan swasta pertama di Pulau Pinang yang memperoleh pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Saya baru mendapat lesen pada tahun lepas, jadi kalau ada penternak-penternak lain yang mahu menyembelih ternakan selalunya mereka akan datang ke sini.

"Lembu kalau nak dikira membesar setahun itu sudah cukup besar, namun, kalau untuk korban (Aidiladha) selalunya orang ambil yang berusia dua tahun.

"Harga pasaran semasa bagi daging lembu dan kerbau ialah RM40 sekilogram," jelas anak jati Machang Bubuk itu lagi.



RUSA-rusa yang dibela.

Bagi ternakan rusa pula, Muhamad Nasir memberitahu bahawa kini syarikatnya mempunyai 16 ekor, dengan bermodalkan tiga ekor sahaja pada permulaannya.

"Rusa macam yang kita ketahui harganya sedikit mahal, walaupun tidak sebesar lembu, namun harga bagi seekor rusa boleh mencecah RM7,000.

"Jika harga timbang, RM85 dan kos makanan mampu cecah RM3,000 setahun dengan jumlah ternakan yang saya ada sekarang," maklum Mohamad Nasir yang turut membuka Akit Enterprise untuk lawatan umum secara percuma.

## Perancangan masa hadapan

Tanpa menoleh ke belakang, Mohamad Nasir menyatakan bahawa pihaknya berhasrat menjadikan ladang Akit Enterprise lebih komersial kepada umum termasuk sebagai antara kawasan agropelancongan di negeri ini.

"Sekarang pun ada yang datang sekadar 'suka-suka' buat lawatan, bawa anak-anak ke sini pada waktu petang dan hujung minggu.

"Waktu petang kebiasaannya, saya akan lepaskan lembu untuk meragut di kawasan belakang.

"Macam di kandang rusa pula, saya bina pelantar berasaskan barangan terpakai dan kayu hutan semula jadi untuk kemudahan pengunjung," ulas Mohamad Nasir.

